



KENYATAAN MEDIA

MENTERI SUMBER MANUSIA

PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERHUBUNG KEPERLUAN BEKERJA DARI RUMAH

1. Pegawai penguatkuasa **Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)** dan **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)** di bawah **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** telah diberikan kuasa mengkompaun di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342]** oleh Kementerian Kesihatan Malaysia **berkuat kuasa 1 Jun 2021**.
2. Langkah ini bertujuan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 berhubung keperluan 40% pekerja sektor swasta untuk Bekerja Dari Rumah (BDR). Mana-mana syarikat atau premis yang didapati tidak mematuhi arahan BDR yang terkini serta berlaku pelanggaran SOP akan diarahkan **tutup serta merta selama tujuh (7) hari** dan **dikompaun maksimum RM50,000**.
3. Keputusan ini dibuat berikutan peningkatan ketara jumlah aduan yang diterima melalui aplikasi **Working for Workers (WFW)** berhubung majikan yang tidak membenarkan pekerja untuk BDR. Sejak kategori BDR ini dibuka untuk aduan pada 23 Mei lalu, sejumlah **1,121 aduan** telah diterima oleh KSM sehingga 2 Jun 2021.
4. Bagi tempoh 3 Mei sehingga 2 Jun 2021, aplikasi WFW ini telah menerima sejumlah **1,767 aduan** bagi **16 kategori lain**. Daripada jumlah ini, aduan membabitkan gaji tidak dibayar dan pembayaran gaji lewat adalah sebanyak 260 kes, pembuangan kerja tanpa notis (73 kes), tiada pembayaran lebih masa dan faedah pemberhentian (68 kes) dan lain-lain.

5. Negeri yang merekodkan paling banyak jumlah aduan sehingga kini adalah WP Kuala Lumpur (511 kes), diikuti Selangor (580 kes), Johor (223 kes), Pulau Pinang (134 kes) dan lain-lain.
6. Saya menggesa semua majikan untuk mematuhi dan memberikan kerjasama sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan terutamanya dalam tempoh yang kritikal ini. Ini kerana usaha untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19 memerlukan sokongan semua pihak termasuk majikan dan pekerja.
7. KSM juga komited dalam memastikan hak dan kebajikan pekerja terus terpelihara di samping mengambil tindakan segera ke atas isu-isu perburuhan yang dihadapi oleh golongan pekerja. Para pekerja dinasihatkan untuk terus menyalurkan aduan dan permasalahan yang dihadapi melalui **aplikasi WFW** dan mengamalkan kawalan sendiri bagi membendung penularan wabak COVID-19.

DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
3 JUN 2021